



SAIFUDDIN (kiri) menunjukkan aplikasi kod SIRIM QAS pada Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan 2019, semalam.

**Putrajaya**

## Kuat kuasa garis panduan 1 Julai 2020

Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan dikuatkuaskan kepada semua penggiat industri itu bermula 1 Julai tahun depan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, bermula hari ini pihak industri diminta mematuhi garis panduan itu secara sukarela sebelum dikuat kuasa.**

"Sepanjang tempoh setahun bermula esok (hari ini), garis panduan dilancarkan sebagai panduan dan langkah didikan ke-

pada pihak industri sebelum peraturan mandatori berkenaan filem penghadang haba kenderaan dikeluarkan.

"Keputusan penyediaan garis panduan dibuat selepas mengambil kira impak positif apabila pengguna membuat pilihan membeli filem penghadang haba kenderaan berkualiti dan ada pelabelan logo SIRIM Berhad (SIRIM)," katanya selepas majlis pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan di sini, semalam.